



## **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

### **SIARAN MEDIA**

### ***ROAD TO GOLD***

---

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengumumkan pembentukan pasukan projek *Road to Gold* dengan objektif untuk menyelaraskan usaha negara bagi meraih pingat emas di Sukan Olimpik. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan bersama oleh Menteri Belia dan Sukan YB Hannah Yeoh dan YBhg. Tan Sri (Dr.) Norza Zakaria, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Dengan mengambil kira struktur dan kaedah pelaksanaan projek Olimpik sebelum ini serta baki tempoh hanya setahun sahaja bagi menghadapi Olimpik Paris pada tahun hadapan, Jawatankuasa ini akan menyediakan rangka kerja jangka panjang meliputi Paris 2024 dan Los Angeles 2028. Oleh itu, Jawatankuasa Gold Paris kini akan dikenali sebagai Jawatankuasa *Road to Gold*.

Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan Program Podium sedia ada yang mana ia memberi tumpuan kepada program persediaan atlet elit meliputi latihan harian, latihan di luar negara termasuk lebih pendedahan kepada pertandingan dalam dan luar negara, penyediaan khidmat jurulatih, kakitangan sokongan, perkhidmatan sains sukan dan perubatan serta program bina diri. Manakala bagi Sukan Paralimpik, program emas para atlet diteruskan di bawah Program Podium di peringkat Majlis Sukan Negara (MSN).

Jawatankuasa *Road to Gold* ini akan memperkasakan Program Podium sedia ada yang diketuai oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) melalui pemantauan di peringkat Kementerian. Ini akan mengukuhkan lagi Jawatankuasa yang akan memberi fokus kepada menghapuskan sekatan, mengatasi had sedia ada dan menyediakan sokongan tambahan untuk bakal pemenang pingat negara. Sokongan tambahan yang diperlukan akan disesuaikan mengikut keperluan setiap individu yang berpotensi melalui konsultasi dengan atlet dan jurulatih masing-masing serta tidak terhad

kepada sokongan fizikal sahaja malah bagi keseluruhan kesejahteraan diri atlet. Keperluan ini akan diberikan tertakluk kepada semakan berkala dan komitmen daripada atlet yang berpotensi untuk memenangi pingat.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh gabungan pentadbir dan bekas atlet seperti berikut:

Pengerusi bersama:

YB Hannah Yeoh

YBhg. Tan Sri (Dr.) Norza Zakaria

YBhg. Datuk Haji Hamidin bin Haji Mohd. Amin (Ahli Majlis FIFA), *Chef de Mission*

YBhg. Datuk Nicol Ann David, Timbalan *Chef de Mission*

Ahli Jawatankuasa:

YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan

YBhg. Dato' Ahmad Shapawi bin Ismail, Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara (MSN)

En. Ahmad Faedzal bin Mohd. Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Sukan Negara (ISN)

YBhg. Dato' Ahmad Najmi bin Abdul Razak

YBhg. Datuk Wira (Dr.) Lee Chong Wei

YBhg. Dato' Mirnawan bin Datuk Haji Nawawi

En. Stuart Ramalingam (Ahli Lembaga Pengurusan MSN), Penyelaras Projek

Pn. Michelle Chai, Pembantu Penyelaras Projek

Semua pelantikan adalah atas dasar sukarela, sebagai sebahagian daripada usaha pembinaan negara (*nation-building*) secara kolektif. Di samping itu, Jawatankuasa ini juga akan secara aktif membina kerjasama strategik dengan sektor korporat agar mereka turut terlibat dalam projek nasional utama ini.

Peranan *Chef de Mission* dan Timbalannya juga akan mencerminkan asas Jawatankuasa ini yang terdiri daripada pentadbir berkepakaran dan atlet bertaraf dunia. Turut melengkapi Jawatankuasa ini ialah personaliti atlet utama negara iaitu YBhg. Datuk

Nicol Ann David (Timbalan *Chef de Mission*), YBhg. Datuk Wira (Dr.) Lee Chong Wei dan legenda hoki YBhg. Dato' Mirnawan bin Datuk Haji Nawawi. Mereka telah dipilih atas kepakaran serta pengalaman mereka yang tidak ternilai dan menjadi jambatan kukuh antara Jawatankuasa dengan atlet *Road to Gold* yang dipilih.

En. Stuart Ramalingam, Ahli Lembaga Pengurusan MSN semasa akan memegang jawatan sebagai Penyelaras Projek bagi Jawatankuasa ini dan dibantu oleh Pn. Michelle Chai. Latar belakang En. Stuart menjadikannya calon yang sesuai kerana peranan itu memerlukan kepakaran bagi menjalinkan kerjasama dengan semua pihak berkepentingan secara strategik dalam memastikan objektif Jawatankuasa tercapai. Kedua-dua En. Stuart dan Pn. Michelle membawa bersama mereka pengalaman kerja yang luas dengan badan dan agensi sukan antarabangsa.

Tugas segera Jawatankuasa ini adalah untuk mengenal pasti keperluan tambahan yang diperlukan bagi menjayakan misi meraih emas di Olimpik.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**  
**12 MAC 2023**